

15 MAR 1999

Mahathir-Pilihan raya

DR MAHATHIR KATA KEMENANGAN DI SABAH TAK DORONG PILIHAN RAYA UMUM AWAL

KUALA LUMPUR, 15 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kemenangan Barisan Nasional (BN) di Sabah tidak mendorong beliau mengadakan pilihan raya umum lebih awal.

"Saya tidak dipengaruhi sama sekali. Saya memang menjangka akan menang di Sabah...walaupun majoriti satu kerusi," katanya apabila ditanya sama ada kejayaan itu mendorong beliau mengadakan pilihan raya umum pada tahun ini.

Pilihan raya umum yang kali terakhir diadakan pada 1995 perlu diadakan selewat-lewatnya April tahun depan.

"Saya tak ambil kira itu sahaja. Kita telah mencapai kemenangan yang baik walaupun tidak diramal akan berjaya. Tiga bulan dulu penyokong UMNO pun kata Sabah susah," katanya.

"Saya perlu ambil kira banyak faktor lain seperti perbelanjaan, ekonomi yang baik dan suasana politik yang baik. Banyak benda yang sepatutnya selesai dalam masa 10 hari berlarutan sampai 70 hari...tapi saya bukan kata mahkamah," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian pada persidangan berita selepas mesyuarat delegasi antara Malaysia dan Poland di Jabatan Perdana Menteri hari ini. Presiden Poland Aleksander Kwasniewski mengetuai delegasi negaranya.

Mengenai kenyataan beberapa pemimpin parti pembangkang bahawa agak sukar bagi pembangkang menumbangkan BN pada pilihan raya umum akan datang, Dr Mahathir berkata itu adalah pendapat mereka.

"Itu Lim Kit Siang (Ketua Pembangkang) kata tak mungkin bentuk kerajaan. Paling kurang mereka boleh menambah jumlah wakil," kata beliau.

Dr Mahathir berkata kejayaan yang dicapai BN pada pilihan raya umum lepas adalah luar biasa dan adalah sukar untuk mengatasi ataupun menyamai pencapaian 1995.

"Tapi saya yakin BN akan menang dengan dua pertiga majoriti," katanya.

Mengenai kenyataan Presiden Parti Rakyat Malaysia Dr Syed Husin Ali bahawa BN hanya boleh ditumbangkan jika parti pembangkang bersatu, Dr Mahathir berkata ia (bersatu) tidak mungkin berlaku.

"Ia tidak mungkin...Jika mereka bersatu, lebih mudah bagi BN untuk berkata mereka adalah hipokrit. Jika PAS bekerjasama dengan DAP, isu ini akan digunakan untuk mempertahankan BN," katanya.

"PAS kata wanita tak boleh tanding...haram. Tapi nak sokong Azizah (Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail). Ini hipokrit," katanya.

PAS sebelum ini telah menyatakan akan menyokong Dr Azizah yang juga isteri bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim jika beliau ingin bertanding menentang Perdana Menteri di Kubang Pasu.

Dr Mahathir berkata beliau tidak mempunyai sebarang rancangan untuk bersara sekarang kerana ada tanggungjawab yang perlu dipikul.

"Saya memang nak bersara tahun lepas tetapi ada masalah dengan timbalan saya yang tidak boleh jadi pengganti saya. Saya ada tanggungjawab...Saya bukan bercakap mengenai populariti saya," kata beliau.

Katanya, beliau akan terus menjadi Perdana Menteri kerana UMNO masih menyokong beliau.

"Saya tak boleh letak jawatan hanya kerana Kit Siang tak sokong atau Anwar tak sokong. Dia bukan lagi ahli Umno," katanya.

Dr Mahathir juga menafikan laporan majalah Business Week bahawa projek Koridor Raya Multimedia (MSC) kurang mendapat sambutan syarikat-syarikat antarabangsa.

Hakikatnya, kata Dr Mahathir, ia mendapat sambutan menggalakkan kerana

setakat ini 29 syarikat telah mendaftar dengan MSC.

"Sasaran kita ialah 50 syarikat teknologi bertaraf dunia pada tahun 2003. Ini baru 1999 dan kita sudah ada 29...kita perlu 21 sahaja lagi dan kemungkinan sasaran itu tidak dicapai adalah tidak benar," katanya.

Beliau berkata banyak ahli panel penasihat MSC telah menyatakan persetujuan untuk hadir pada mesyuarat akan datang walaupun bukan semua yang dapat datang kerana kesibukan tugas.

"Banyak pembangunan fizikal juga berjalan. Mereka (media asing) memang selalu kata kita tak mampu buat...kita mentadbir sebuah negara yang mempunyai 22 juta penduduk dan kita telah berjaya sejak 40 tahun lalu," katanya.

Katanya, sudah ternyata kebanyakan laporan yang dibuat media asing tidak benar dan beliau sendiri pada suatu ketika dulu dikatakan "bodoh" apabila bercakap tentang kawalan mata wang.

-- BERNAMA

AR AKD